



Headline: Profesor, doktor pun kena scam
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 11 October 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 1

Profesor, doktor pun kena *scam*

Oleh **AIDA RIZMARIZA**
KAMARUDDIN, ROSHIHAN
ANNUAR YUB dan FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kelicikan sindiket Macau Scam yang menggunakan pelbagai taktik termasuk penguasaan bahasa Inggeris yang baik bukan sahaja mampu memperdaya mangsa daripada golongan pertengahan tetapi turut

menjerat golongan profesional di negara ini termasuk doktor dan pensyarah.

Seorang mangsa yang bekerja sebagai pensyarah di pusat pengajian tinggi memberitahu pihak polis, dia terpengaruh dengan Macau Scam yang modus operandinya melalui panggilan telefon itu hanya kerana orang yang menghubunginya boleh berbahasa Inggeris dengan bagus.

Menurut Ketua Penolong Pengarah, Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram, Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial, Senior Asisten Komisyoner Fazlisyam Abdul Majid, masyarakat tidak boleh melihat mangsa Macau Scam itu berjaya diperdaya kerana bodoh atau pandai.

Bersambung di muka 2

Profesor, doktor pun kena *scam*

Dari muka 1

“Tetapi sejauh mana penjenayah yang bercakap dengan mangsa itu pandai menipu, meyakinkan sampai mangsa boleh takut dan panik.

“Ada doktor kena tipu, profesor pun kena. Mereka percaya dan panik. Pernah kita tanya seorang pensyarah macam mana boleh percaya? Dia jawab, orang yang bercakap dengannya itu, bahasa Inggerisnya sungguh bagus dan amat meyakinkan,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau memberitahu, dari

Januari 2020 hingga September, negara ini mencatatkan jumlah 4,764 kes dengan kerugian RM232,642,026.44 akibat Macau Scam.

“Tangkapan yang dibuat pula membabitkan 2,433 orang, bermakna 51.1 peratus,” jelasnya.

Fazlisyam berkata, agensi penguat kuasa yang sebenar hanya akan menelefon untuk mengambil keterangan sahaja dan tidak pernah dalam prosedur mana-mana pun, hubungi orang ramai untuk minta pindah wang dalam akaun mana-mana atau meminta membuat apa-apa bayaran.

Dalam pada itu, Fazlisyam memberitahu, jenayah telekomunikasi (*telco fraud*) di negara ini meningkat sewaktu perintah kawalan pergerakan (PKP) dikuat kuasa.

Menurut beliau, berdasarkan kajian, terdapat empat jenayah telekomunikasi yang dikenal pasti sewaktu musim pandemik Covid-19 ini.

“Pertama judi atas talian. Kedua pelaburan tak wujud. Ketiga pinjaman tak wujud dan keempat adalah e-belian. Maksudnya e-dagang, beli barang, bayar kemudian tak hantar barang itu,” jelasnya.